



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 Sep 2020 (Rabu)

Berita Harian

17 individu saman syarikat cemari Sungai Gong	1
SPRM fokus siasat elemen rasuah	2
Gangguan bekalan air kembali pulih	3
Peguam Negara dakwa kenyataan Amirudin tidak berasas	4
Sultan Selangor titah ambil tindakan lebih tegas	5
Sultan Selangor titah ambil tindakan lebih tegas	6
Perangi pencemar sungai perlukan 'taring' lebih tajam	7
Siasatan salah laku pegawai polis diserahkan ke KPN	8
235 kilang beroperasi atas lot kediaman	9

Utusan Malaysia

'Roboh rumah, kilang tepi sungai'	10
Selangor akan rujuk kes cemar sungai ke Jabatan Peguam	11
Kepelbagaian zakat emas	12

Harian Metro

235 kilang operasi haram	13
Gangguan air tiga wilayah pulih	14

Kosmo

Sultan Selangor zahir dukacita	15
Pusat penjaja MDKS akan dinaik taraf	16
Kitar semula dari pintu ke pintu pupuk persekitaran bersih	17

Sinar Harian

Isteri mb mohon maaf	18
Kalau dah haram, haram juga	19
Azmin dilantik ahli MPT Bersatu	20
17 individu saman syarikat cemari Sungai Gong	21
Kes pencemaran sungai diperincikan kepada Peguam Negara	22
NGO tuntutan Air Selangor bayar ganti rugi RM1,000	23
SPRM siasat kes cemar Sungai Gong	24
Sultan Selangor dukacita isu air	25
Air laut tertinggi 20 tahun	26
MAIS serius tangani gerakan liberal	27

The Star

MBSA ON WHEELS	28
MPAJ: Slope stabilisation works ongoing at Ukay Perdana construction site	29
MPK DISCOUNTS	30
Council's overhead solution to fixing street lights in Klang	31
Dealing with illegal factories in Ampang Jaya	32
Elderly disabled urged to sign up for voucher scheme	33
Selangor Ruler wants stricter action	34
Kuala Langat no longer a sleepy area	35
Report on illegal activities in Sungai Buloh submitted to IGP	36
Wading into troubled waters	37

New Straits Times



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



MACC AND SPAN INITIATE PROBES	38
Sultan calls for firm action	39
17 people file suits	40
Selangor govt to update A-GC soon with report, says MB	41
'Setting up of Environmental Crime Unit timely'	42
The Sun	
GE15 only after Sabah, Sarawak polls: Wee	43
MACC probes Sungai Gong water pollution	44
Company to face civil action over river pollution	45
The Malaysian Reserve	
Govt urged to table higher penalties against polluters soon	46



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	17 individu saman syarikat cemari Sungai Gong
Muka Surat	:	4

17 individu saman syarikat cemari Sungai Gong

Shah Alam: Seramai 17 individu memfailkan tuntutan saman di Mahkamah Shah Alam di sini semalam, terhadap syarikat selenggara mesin dan jentera yang menyebabkan pencemaran Sungai Gong, dekat Rawang.

Semua plaintif yang diwakili peguam, Mohd Khairul Azam Abdul Aziz, memfailkan saman secara individu terhadap empat pengurus syarikat Yip Chee Seng & Sons Sdn Bhd.

Mohd Khairul Azam berkata, saman itu difailkan secara 'e-filing' pada jam 1.52 tengah hari, bagi menuntut ganti rugi selepas mengambil kira pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi plaintif sepanjang gangguan bekalan air berpunca pencemaran itu.

"Berdasarkan semua peristiwa yang diperincikan menerusi

siaran media yang dikeluarkan Air Selangor Sdn Bhd, syarikat itu dikenal pasti terbabit dalam kerosakan dan kecelakaan yang menyusahkan ramai pihak.

"Defendan adalah dengan jelas, nyata dan terang adalah pihak yang bertanggungjawab secara langsung terhadap semua kerosakan atau kecelakaan berkenaan.

"Ini secara jelas dikenal pasti merujuk kepada siaran media bertarikh 3 September (Khamis) jam 7 malam apabila melalui siaran dilakukan dan kenyataan media yang dibuat Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang mana insiden pencemaran itu disyaki berpunca daripada sebuah premis perindustrian di Sungai Gong yang melakukan pelepasan cecair berbau seakan pelarut ke dalam sungai," katanya.



Ibrahim (tengah) mengetuai 17 individu yang memfailkan tuntutan saman di Mahkamah Shah Alam, semalam.
 (Foto BERNAMA)

Beliau memberitahu demikian ketika ditemui media di lobi Mahkamah Shah Alam semalam.

Yang turut hadir, plaintif pertama saman itu, Datuk Ibrahim Ali, yang juga Presiden Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PU-TRA) bersama penyokong.

Mohd Khairul Azam berkata, menerusi saman berkenaan,

plaintif menuntut ganti rugi am, ganti rugi spesifik, ganti rugi teladan dan kos-kos lain yang dianggarkan wajar oleh mahkamah.

Katanya, Air Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) akan dipanggil sebagai saksi untuk mengesahkan kilang berkenaan adalah punca pencemaran bau yang memaksa empat

Loji Rawatan Air (LRA) henti tugas.

Terdahulu pada Khamis lalu, empat LRA dihenti tugas susulan pencemaran dikesan pada sumber air mentah di Sungai Selangor.

Akibat pencemaran itu, 1,292 kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	SPRM fokus siasat elemen rasuah
Muka Surat	:	4


SPRM mula siasat

PENCEMARAN SUNGAI GONG

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menjalankan siasatan bersepadu bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Majlis Perbandaran Selayang (MPS). Siasatan bertujuan mengesan jika wujudnya amalan rasuah bagi melindungi aktiviti kilang yang beroperasi secara haram.

KEBUN DURIAN HARAM DI RAUB

Semua pengusaha kebun durian haram akan dikenal pasti dan disoal siasat untuk mengesan kemungkinan wujudnya unsur rasuah dalam kalangan penguat kuasa di Pejabat Daerah dan Tanah serta agensi lain yang melindungi kegiatan mereka. **Muka 4**



Isu pencemaran di Selangor, ladang durian haram di Pahang

SPRM fokus siasat elemen rasuah

Orang ramai ada maklumat diminta tampil bantu siasatan

Oleh Tiah Hafiz Aziz, Muhammad Vaseer Muzamir dan Nuramira Che Noh bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Elemen rasuah dalam kalangan anggota agensi penguat kuasa, menjadi antara fokus siasatan dimulakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap isu kilang haram yang mencemarkan Sungai Gong di Selangor dan ladang durian haram atas tanah kerajaan di Raub, Pahang.

SPRM meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai unsur rasuah dalam dua isu berkenaan, untuk tampil membantu siasatan. "Dalam kes ladang durian haram, ketika ini, SPRM sedang mengumpul maklumat dan melihat beberapa dokumen berkaitan, yang diperoleh daripada pihak terlibat.

"SPRM tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan kegiatan rasuah atau salah guna, dalam kerangka-dasar ini. "SPRM tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan kegiatan rasuah atau salah guna, dalam kerangka-dasar ini," kata agensi itu merujuk satu kenyataan semalam.



SPRM tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan kegiatan rasuah atau salah guna, dalam kerangka-dasar ini.



Pengusaha kebun durian haram di Raub dan pemilik kilang haram di Selangor akan dipanggil membantu siasatan dijalankan.

Ahmad Khasairi Yahaya, Timbalan Ketua Penguatkuasa (Operasi) SPRM

Pencemaran sumber air mentah Sungai Gong melumpuhkan operasi empat lagi rawatan air (ERA) yang menyuplai bekalan kepada 1.2M kawasan, meliputi tanah wilayah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, menyebabkan kira-kira lima juta penduduk mengalami gangguan bekalan tidak berputus.

Pencerobohan tanah kerajaan di Raub, menyebabkan sebahagian Hutang Simpanan Gunung Berom, sekitar Sungai Bunt, Sungai Chali serta Trunam dan Tras, seluas kira-kira 4,600 hektar dibangunkan sebagai ladang durian haram sejak 40 tahun lalu.

Kegiatan itu menyebabkan kerugian terjeri kerugian hasil

sekitar kira-kira RM3M juta dalam tempoh 10 tahun.

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai siasatannya itu, Timbalan Ketua Penguatkuasa Operasi SPRM, Datuk Seri Ahmad Khasairi Yahaya, menegaskan pengusaha kebun durian haram di Raub dan pemilik kilang haram di Selangor akan dipanggil membantu siasatan yang dijalankan.

"Bagi kes pencerobohan tanah di Pahang, SPRM akan mengenal pasti kesemua pengusaha haram yang terlibat dan akan memanggil mereka dalam masa terdekat.

"Langkah itu adalah sebahagian usaha mengesan sebarang unsur rasuah dan salah guna

kuasa dalam kalangan agensi-agensi yang bertanggungjawab. Semua mereka akan disoal siasat.

"Sebarang wujud unsur rasuah dalam kalangan penguat kuasa termasuk membabitkan pejabat tanah dan daerah serta agensi lain yang melindungi tindakan itu," katanya.

Ahmad Khasairi berkata, dalam isu pencemaran Sungai Gong, SPRM akan menjalankan siasatan bersepadu dengan kerjasama lain-lain agensi penguat kuasa seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pecutan Negara serta Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

"Tindakan tegas akan diam-

bil berdasarkan siasatan dijalankan sebagai agensi berkerjasama, mengikut bidang kuasa masing-masing.

"SPRM akan mengesan dan menyiasat pemilik kilang terlibat sekiranya wujud amalan rasuah bagi melindungi aktiviti kilang yang beroperasi secara haram selama beberapa tahun," katanya.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Gangguan bekalan air kembali pulih
Muka Surat	:	5

Gangguan bekalan air kembali pulih

Shah Alam: Gangguan bekalan air tidak berjadual di wilayah Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor pulih sepenuhnya sehingga petang semalam.

Sehingga jam 6.30 petang semalam, empat lagi wilayah masing-masing mencapai tahap pemulihan lebih 80 peratus, Petaling (98.36 peratus), Klang/Shah Alam (85.31 peratus), Gombak (99.27 peratus) dan Kuala Lumpur (97.57 peratus).

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata secara keseluruhan, sejumlah 1,253 kawasan dari 1,292 kawasan terbabit dengan dengan peratusan pemulihan pada tahap 96.98 peratus.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 39 kawasan masih lagi dalam proses pemulihan di empat lagi wilayah iaitu Klang/Shah Alam, Gombak, Petaling dan Kuala Lumpur.

“Semua kawasan 1 dalam pelan pemulihan pulih sepenuhnya manakala lapan kawasan yang berada dalam Kumpulan 2 pelan pemulihan pula masih belum mendapat bekalan air yang sepatutnya pada 12 tengah malam, 8 September 2020,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Elina berkata, Air Selangor sedang mengambil tindakan untuk menstabilkan sistem agihan bagi memulihkan kawasan itu.

“Kawasan yang belum pulih adalah Universiti Malaya (wilayah Petaling) dan Jalan Dutamas Raya (wilayah Kuala Lumpur).

“Bagi wilayah Klang/Shah Alam, kawasan belum pulih adalah seluruh Sungai Kapar Indah,



Orang ramai mengambil bekalan air di Taman Rakyat Klang, sebelum bekalan air dilaporkan kembali pulih, lewat petang semalam. (Foto Nur Adibah Ahmad Izam/BH)

seluruh Bandar Baru Bukit Raja, Taman Desawan, Taman Klang Jaya, Johan Setia dan Kampung Teluk Gong,” katanya.

Pengguna diminta tidak menyimpan dan menggunakan air berlebihan bagi memastikan proses pemulihan bagi kawasan yang masih terjejas berjalan lancar dan mengikut jadual pelan pemulihan Air Selangor.

“Air Selangor menyarankan pengguna untuk mendapatkan maklumat rasmi gangguan bekalan air melalui saluran - saluran interaksi Air Selangor dan tidak menyebarkan berita tidak sah menghubungkan gangguan ini bagi mengelakkan kekeliruan kepada pengguna lain,” katanya.



Pensyarah Universiti Selangor (UNISEL), Mohd Hezrey Mohd Sharif bersama anaknya mengambil bekalan air di Taman Rakyat Klang, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Peguam Negara dakwa kenyataan Amirudin tidak berasas
Muka Surat	:	5

Peguam Negara dakwa kenyataan Amirudin tidak berasas

Kuala Lumpur: Kenyataan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, yang disiarkan sebuah portal berita bahawa tiada tindakan diambil Jabatan Peguam Negara selepas kerajaan negeri selesai menyiasat kes pencemaran air pada April lalu, adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali, kata Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun.

Dalam kenyataan malam kelmarin, beliau berkata, sehingga kini Jabatan Peguam Negara tidak pernah dirujuk dengan apa-apa kertas siasatan berhubung kejadian pencemaran air mentah di Selangor.

"Pada 17 Mac 2020, Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) melalui siaran media memaklumkan bahawa keempat-empat loji rawatan air di Sungai Selangor telah dihenti tugas bermula jam 7 malam 17 Mac lalu, akibat pencemaran bau dalam air mentah pada tahap 2 TON.

"Sebanyak 30 tawaran kompaun di lapangan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM60,000 kepada pemilik premis Yip Chee Seng & Sons Sdn. Bhd. di Lot 4219, Jalan Batu Arang, Kg. Sungai Dua, Rawang sudah dikeluarkan," katanya.

Idrus berkata, kompaun itu dikeluarkan tanpa apa-apa rujukan kertas siasatan dibuat kepada Jabatan Peguam Negara.

Selanjutnya, katanya, dalam kejadian terbaru pada 3 September lalu apabila Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1,2,3 dan Rantau Panjang dihenti tugas, Jabatan Peguam Negara hanya dimaklumkan bahawa terdapat kertas siasatan yang dibuka oleh agensi-agensi yang berkaitan dan kertas siasatan itu sedang dilengkapkan sebelum dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya, lapor *BERNAMA*.

Sementara itu, dalam kenyataan semalam, Amirudin berkata kerajaan negeri akan berhubung dengan Jabatan Peguam Negara untuk memperinci dan mengemaskini pelaporan berkaitan insiden pencemaran sungai di Selangor, termasuk kes terbaru.

Katanya, kerajaan negeri berharap tindakan tegas akan segera dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah pencemaran sungai.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Salim Soib; Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Hashim Osman dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Selangor, Nor Aziah Jaafar, berhubung isu itu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor titah ambil tindakan lebih tegas
Muka Surat	:	5

Pencemaran 4 sungai di Selangor

Sultan Selangor titah ambil tindakan lebih tegas

Baginda dukacita rakyat tanggung pelbagai kesusahan akibat pencemaran

Oleh Ruwaida Md Zain
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita terhadap kesan yang terpaksa ditanggung rakyat negeri itu, susulan gangguan bekalan air be-

berapa hari lalu.

Sultan Sharafuddin menzahirkan perkara itu, menerusi sepucuk surat diutuskan baginda kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, susulan gangguan bekalan air baru-baru ini.

Intipati kandungan surat baginda dikongsikan kepada umum menerusi Facebook Selangor Royal Office semalam.

Antara intipati surat itu, baginda menitahkan tindakan penguatkuasaan lebih tegas bagi memastikan rumah dan kilang haram, terutama berhampiran tebing sungai dirobohkan kerana berpotensi mencemarkan sungai di Selangor.

Baginda tidak berkenan ada-

nya unsur campur tangan politik dalam penguatkuasaan isu-isu berkaitan alam sekitar dan pencemaran air sungai.

Baginda sudah lama menitahkan supaya sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Kerajaan Selangor untuk memantau dan memastikan air sungai tidak dicemari dengan bahan kimia atau sampah sarap boleh menjejaskan bekalan air mentah kepada loji-loji rawatan air.

Sultan Sharafuddin juga mahu undang-undang yang lebih tegas dilaksanakan dengan segera kepada pelaku yang menyebabkan pencemaran sungai.

"Penalti yang lebih berat wajar dikenakan kepada mereka yang

mencemarkan alam sekitar khususnya sumber air.

"Mereka yang terbukti melakukan kesalahan, hendaklah dijatuhkan hukuman penjara mandatori serta dikenakan denda yang maksimum," titah baginda.

Menerusi surat itu, baginda kluatir sekiranya masalah air ini berterusan, rakyat akan memberontak dan boleh mengakibatkan ketegangan dan seterusnya akan menjejaskan keharmonian sosial.

Susulan utusan surat itu, baginda berkenan menerima menghadap Amirudin di Istana Bukit Kayangan di sini, berhubung masalah bekalan air bersih di Selangor, yang terus berulang.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor titah ambil tindakan lebih tegas
Muka Surat	:	5

Pencemaran 4 sungai di Selangor

Sultan Selangor titah ambil tindakan lebih tegas

Baginda dukacita rakyat tanggung pelbagai kesusahan akibat pencemaran

Oleh Ruwaida Md Zain
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita terhadap kesan yang terpaksa ditanggung rakyat negeri itu, susulan gangguan bekalan air be-

berapa hari lalu.

Sultan Sharafuddin menzahirkan perkara itu, menerusi sepucuk surat diutuskan baginda kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, susulan gangguan bekalan air baru-baru ini.

Intipati kandungan surat baginda dikongsikan kepada umum menerusi Facebook Selangor Royal Office semalam.

Antara intipati surat itu, baginda menitahkan tindakan penguatkuasaan lebih tegas bagi memastikan rumah dan kilang haram, terutama berhampiran tebing sungai dirobohkan kerana berpotensi mencemarkan sungai di Selangor.

Baginda tidak berkenan ada-

nya unsur campur tangan politik dalam penguatkuasaan isu-isu berkaitan alam sekitar dan pencemaran air sungai.

Baginda sudah lama menitahkan supaya sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Kerajaan Selangor untuk memantau dan memastikan air sungai tidak dicemari dengan bahan kimia atau sampah sarap boleh menjejaskan bekalan air mentah kepada loji-loji rawatan air.

Sultan Sharafuddin juga mahu undang-undang yang lebih tegas dilaksanakan dengan segera kepada pelaku yang menyebabkan pencemaran sungai.

"Penalti yang lebih berat wajar dikenakan kepada mereka yang

mencemarkan alam sekitar khususnya sumber air.

"Mereka yang terbukti melakukan kesalahan, hendaklah dijatuhkan hukuman penjara mandatori serta dikenakan denda yang maksimum," titah baginda.

Menerusi surat itu, baginda khuatir sekiranya masalah air ini berterusan, rakyat akan memberontak dan boleh mengakibatkan ketegangan dan seterusnya akan menjejaskan keharmonian sosial.

Susulan utusan surat itu, baginda berkenan menerima menghadap Amirudin di Istana Bukit Kayangan di sini, berhubung masalah bekalan air bersih di Selangor, yang terus berulang.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Perangi pencemar sungai perlukan 'taring' lebih tajam
Muka Surat	:	12

Perangi pencemar sungai perlukan 'taring' lebih tajam

Air komponen utama kehidupan manusia yang menyokong sistem kehidupan global. Tanpa kehadiran air selama tiga hari sahaja, manusia akan mati!

Kepentingannya sebagai sumber penting minuman, sistem kebersihan, pertanian, industri, pembangunan bandar, kuasa hidro, perikanan, pengangkutan dan pelbagai kegiatan lain.

Lazimnya, masyarakat mahukan air bersih dan terjaga kualiti khususnya untuk minuman, penjagaan kebersihan diri dan rekreasi. Begitu juga dengan industri dan perniagaan.



Prof Madya
Dr Haliza
Abdul Rahman

Namun, pengurusan sungai 'tidak cekap' dan lestari boleh mengundang krisis air. Pencemaran - sungai berlaku akibat sisa buangan isi rumah, aktiviti pertanian dan ladang ternakan, effluen sektor pembuatan dan industri, hakis tanah dan sisa logam dari kilang.

Beberapa episod catuan air akibat pencemaran sungai sepatutnya menjadi pengajaran supaya tidak terus-menerus mencemari sumber alam sekitar amat berharga ini.

Terbaru, isu terputusnya bekalan air kepada lima juta penduduk di Lembah Klang akibat penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3, 4 dan Rantau Panjang yang dicemari bahan kimia.

Pencemaran menyebabkan syarikat pengurusan bekalan air berdepan masalah kerana perlu memberhentikan operasi loji apabila bekalan air mentah dicemari bahan tidak dapat dibersihkan menerusi pemprosesan, sebelum air bersih dapat diagihkan kembali kepada pengguna.

Situasi ini sering dialami syarikat utiliti air di Lembah Klang. Setiap kali berlaku masalah membabitkan penutupan loji, ia mengambil masa sekurang-kurangnya empat hari untuk beroperasi semula memandangkan paip kosong dan memerlukan masa untuk memulihkan bekalan. Ia satu episod tidak berkesudahan.

Akibat pembangunan pesat selaras perkembangan ekonomi, sungai dikhuatiri menjadi mangsa pembangunan. Penjanaan air sisa turut bertam-

bah dan ia antara sebab kualiti air sungai negara terus merosot.

Pakar hidrologi dan permodelan sungai daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata akibat pembangunan pesat, kebanyakan sungai di bandar kehilangan upaya ekosistem untuk membekalkan air bersih, memproses kumbah dan mengekalkan produktiviti.

Lebih 80 peratus sungai di bandar utama negara ini boleh dianggap 'sungai mati' akibat pencemaran tertamannya sisa industri yang semakin meningkat setiap tahun.

Pada 2010, kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan sekurang-kurangnya 45 sungai termasuk pecahan daripada tujuh lembangan sungai seluruh negara dikategorikan tercemar teruk (tahap 3, 4 dan 5).

Lebih membimbangkan, sungai mengalami masalah ini terletak dalam lingkungan negeri yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Pada 2019 pula, 63 sungai dikategorikan tercemar berbanding tahun sebelumnya iaitu sekitar 52 sungai pada 2017 dan sekitar 38 sungai pada tahun 2016.

Pada 2015 sahaja, pencerobohan di kawasan punca sumber air khususnya sungai menyebabkan 54 daripada 577 sungai diawasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diklasifikasikan tercemar dan tidak boleh digunakan sebagai sumber air minuman.

Sungai ini tercemar dengan kandungan kimia dan biologi disebabkan pembuangan sisa pertanian, industri dan kediaman.

Lebih merisaukan, trend kualiti air sungai di negara ini - mengikut data dikeluarkan JAS mengenai status pencemaran 120 lembangan sungai utama di Malaysia antara 2005 hingga 2018 - agak membimbangkan kerana tidak banyak berubah sejak 2005.

Pencemaran sumber air negara semakin serius dengan tahap kekeruhan melebihi 1,000 Nephelometric Turbidity Unit (NTU), disebabkan pelbagai faktor sejak sedekad lalu. Seharusnya ini 'membimbangkan' kita.

Forum Ekonomi Dunia 2020 melapor-

kan sumber pengairan disenaraikan permasalahan utama global, diikuti jangkitan wabak penyakit dan krisis makanan.

Memandangkan sumber air bersih bergantung air permukaan, maka pemantauan kualiti air sungai dan sebab yang berpotensi menyebabkan pencemaran air sangat penting.

Penguatkuasaan undang-undang lemah terhadap kebersihan sungai, alam sekitar dan pembersihan serta pelupusan sampah menyebabkan perbuatan tidak bertanggungjawab mencemari sungai terus berlaku.

Maka, peraturan ketat seperti pamtan buangan sisa industri dan sampah haram atau tidak mengikut peraturan mesti dilaksanakan, selain peraturan zon penamparan harus diperkenalkan bagi semua sungai dari hulu ke hilir.

Ramai setuju akta sedia ada kurang 'taring'. Justeru, hukuman lebih tegas dan berat perlu diambil ke atas pelaku. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) harus ditambah baik dan sebarang lompong atau kelemahan wajib ditampal.

Paling penting, cadangan Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) agar diwujudkan subseksyen baharu di bawah akta itu untuk mewajibkan pembayaran ganti rugi setimpal kepada pengguna terjejas oleh pelaku, harus dipertimbang.

JAS juga perlu mewujudkan sistem komprehensif antaranya menyenaraikan pembeli bahan kimia bagi memudahkan rujukan apabila berlaku pencemaran sungai, disegerakan. Pihak berkuasa tempatan (PBT) pula perlu melihat pelan pembangunan di kawasan masing-masing, sebelum meluluskan sebarang projek atau kegiatan bagi mengelakkan sumber air tercemar hingga menjejaskan pengguna.

Pada masa sama, pihak berkuasa perlu memeriksa status kilang di seluruh negara dengan menutup premis haram dan mengenal pasti sungai kritikal daripada segi pencemaran.

Realitinya, masyarakat Malaysia jangan terlalu yakin bekalan air bersih dinikmati sekarang tidak akan terjejas dan mencukupi untuk kegunaan kini dan masa hadapan.

Beberapa episod krisis air melanda

seharusnya berupaya memberi kesedaran agar lebih menghargai air.

Masyarakat Malaysia terkenal 'suka' membazirkan air yang mana setiap individu di negara ini menggunakan 220 liter air setahun berbanding 160 liter seperti saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar (UNEP), jika manusia menggunakan air dengan kadar diamalkan sekarang, dua daripada tiga orang penduduk dunia akan hidup dalam keadaan sukar menikmati bekalan air menjelang 2025.

Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, menyatakan pencemaran sungai dan kerosakan fungsi sungai di negara ini sudah sampai tahap kritikal.

Jika tidak dibendung dan diurus sepadu, negara bakal berhadapan darurat kemusnahan sungai. Akibatnya kita akan kehilangan sumber bekalan air bersih, bencana banjir dan kemarau bertambah kerap serta kehilangan sumber kehidupan penting seperti tanah yang subur dan sumber keselamatan makanan.

Malaysia sangat bergantung kepada sungai untuk sumber air mentah. Justeru, perubahan minda masyarakat penting untuk mengurus sungai.

Sebagai antara komponen penting mencapai pembangunan lestari, masyarakat perlu bersama kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) berkongsi tanggungjawab, merancang, mengurus, melaksanakan dan memantau kualiti sungai selaras Prinsip 22 dalam Local Agenda 21 (LA21) agar kualiti sungai negara seterusnya bekalan air minuman dapat dilestarikan.

Penulis adalah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial (IPAS) Universiti Putra Malaysia (UPM)





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Siasatan salah laku pegawai polis diserahkan ke KPN
Muka Surat	:	18

Kes video pendedahan Asri Janggut

Siasatan salah laku pegawai polis diserahkan ke KPN

Kuala Lumpur: Jabatan Integriti Pematuhan Standard (JIPS) sudah menyerahkan perkembangan siasatan salah laku pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh kepada Ketua Polis Negara (KPN), minggu lalu.

Laporan berkenaan adalah hasil siasatan 10 hari oleh pasukan khas JIPS Bukit Aman, sebaik video pendedahan oleh Pengasas Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid atau dikenali sebagai Asri Janggut, pada 8 Ogos lalu tular di laman sosial.

Pengarah JIPS Bukit Aman, Datuk Zamri Yahya, berkata perincian awal mendapati pegawai IPD Sungai Buloh yang dikatakan berkongkol dengan sindiket perjudian, hidup dalam tahap kemampuan mereka yang sebenar.

"Kami mendapati harta dimiliki mereka seperti rumah dan kenderaan adalah dalam keadaan munasabah serta lazim dan sesuai dengan pangkat masing-masing.

"Sebagai contoh Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Shafa'aton Abu Bakar, memiliki sebuah rumah berharga di bawah RM400,000," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Kuala Lumpur antara Datuk Seri Mazlan Lazim kepada Datuk Saiful Azly Kamaruddin, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Zamri berkata, pihaknya sudah membuat pemeriksaan menyeluruh dan turut memberi cadangan kepada IPD Sungai Buloh untuk tugas susulan.

"Kami menasihatkan IPD Sungai Buloh melakukan operasi dan serbuan secara komprehensif selepas ini seperti operasi bersepadu, penyitaan bangunan atau premis yang menjalankan kegiatan salah termasuk bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memotong



Zamri memeriksa kawalan perbarisan pada Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Kuala Lumpur, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam. (BERNAMA)

bekalan elektrik," katanya.

Zamri berkata, siasatan sejak tahun lalu sehingga Julai tahun ini mendapati 447 serbuan dilakukan ke atas premis perjudian dengan 665 tangkapan.

Bulan lalu, Asri mendedahkan dua rakaman video menerusi laman sosial Facebook, berhubung apa yang didakwa sebagai aktiviti perjudian, penjualan rokok seludup dan perniagaan haram.

Berikutan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan lapan pegawai Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	235 kilang beroperasi atas lot kediaman
Muka Surat	:	22

235 kilang beroperasi atas lot kediaman

Kuala Lumpur: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengesan 235 kilang beroperasi secara haram di atas lot jenis kediaman di kawasan pentadbirannya.

Yang Dipertua MPAJ, Mohd Fauzi Mohd Yatim, berkata pihaknya giat melaksanakan bancian sehingga 31 Disember ini bagi mengesan kilang beroperasi tanpa kebenaran.

“Setakat hari ini (semalam), kita sudah kenal pasti 235 lot kediaman dijadikan kilang tanpa kebenaran dengan anggaran beroperasi antara lima hingga 10 tahun.

“Struktur kilang yang ‘diputihkan’ membabitkan 167 lot, manakala 63 lot lagi belum diputihkan,” katanya selepas Majlis Perakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) Yang Dipertua MPAJ Sebagai Ahli Majlis di Menara MPAJ di sini, semalam.

Beliau berkata, selaras dasar kerajaan negeri, pihaknya sentiasa memudahkan permohonan lesen bagi membolehkan kilang beroperasi secara sah dan mengikut peraturan ditetapkan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	'Roboh rumah, kilang tepi sungai'
Muka Surat	:	3

'Roboh rumah, kilang tepi sungai'

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

rohaizah.zainal@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya semua rumah dan kilang terutama premis haram berhampiran tebing sungai dirobuhkan kerana berpotensi mencemarkan anak sungai serta sungai di negeri ini.

Baginda juga bertitah, tidak ada unsur campur tangan politik dalam penguatkuasaan isu berkaitan alam sekitar dan pencemaran air sungai.

Perkara itu dizahirkan baginda dalam surat yang diutus kepada Menteri Besar, Datuk Seri



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

Amirudin Shari selepas berkenan menerima menghadap Amirudin di Istana Bukit Kayangan di sini semalam.

Sultan Selangor turut menzahirkan rasa kluatir sekiranya masalah air itu berterusan, rakyat jelata akan memberontak dan boleh mengakibatkan ketegangan seterusnya menjejaskan keharmonian sosial.

"Beta telah lama menitahkan supaya sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan oleh kerajaan negeri Selangor untuk memantau dan memastikan air sungai tidak dicemari dengan bahan kimia atau sampah sarap yang boleh menjejaskan bekalan air

mentah kepada loji-loji rawatan air.

"Beta mahu undang-undang yang lebih tegas dilaksanakan dengan segera kepada pelaku-pelaku yang menyebabkan pencemaran sungai. Penalti yang lebih berat wajar dikenakan kepada mereka yang mencemarkan alam sekitar khususnya sumber air.

"Mereka yang terbukti melakukan kesalahan hendaklah dijatuhkan hukuman penjara mandatori serta dikenakan denda yang maksimum," titah baginda menerusi kenyataan yang dimuat naik dalam Facebook rasmi Selangor Royal Office di sini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Selangor akan rujuk kes cemar sungai ke Jabatan Peguam
Muka Surat	:	10

Selangor akan rujuk kes cemar sungai ke Jabatan Peguam

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor akan merujuk isu pencemaran Sungai Gong di Rawang dan sungai di Bestari Jaya sehingga menjejaskan bekalan air di negeri ini dan Lembah Klang kepada Jabatan Peguam Negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya kini sedang mengumpul maklumat sebelum menghantarnya ke Jabatan Peguam Negara.

“Saya telah bertemu dengan Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Salim Soib, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Ir. Hashim Osman dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Nor Aziah Jaafar pagi tadi (semalam).

“Kerajaan negeri akan berhubung dengan pihak Jabatan Peguam Negara untuk memperinci serta mengemas kini laporan berkenaan insiden pencemaran sungai di Selangor



AMIRUDIN SHARI

termasuk kes yang terbaharu Khamis lalu,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Amirudin menghargai maklum balas Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun mengenai kerajaan Selangor yang dikatakan tidak merujuk isu air kepada jabatan itu.

Semalam, Idrus menafikan dakwaan Amirudin bahawa Jabatan Peguam Negara tidak



IDRUS HARUN

mengambil tindakan selepas kerajaan negeri selesai menyiasat kes pencemaran air pada April lalu.

Tegas Idrus, Jabatan Peguam Negara hanya dimaklumkan bahawa terdapat kertas siasatan dibuka oleh agensi-agensi berkaitan dan kertas siasatan sedang dilengkapkan sebelum dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.



KERATAN AKHBAR 9 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kepelbagaian zakat emas
Muka Surat	:	23



Bagi emas perhiasan wanita, Islam mempunyai sedikit keringanan ke atasnya demi meraikan fitrah wanita yang amat menyukai emas.

BICARA ZAKAT

Oleh **HAMIZUL ABDUL HAMID**

EMAS adalah antara item terawal dalam zakat harta dan disebut dengan jelas di dalam al-Quran mahu pun al-hadis. Kewujudan emas itu juga adalah pelbagai, sama ada dalam bentuk matawang (dinar), ataupun dalam bentuk simpanan mentah (jongkong), dijadikan perhiasan bangunan (patung atau gelas) dan paling popular dijadikan perhiasan di badan manusia.

Dalil al-hadis: *Daripada Ibnu Umar dan Aisyah r.huma bahawa Nabi Muhammad SAW mengambil zakat setengah dinar dari setiap 20 dinar dan seterusnya. Baginda SAW mengambil satu dinar pula dari 40 dinar.* (riwayat Ibnu Majah).

Biar pun emas itu wujud dalam pelbagai bentuk, namun Islam hanya membahagikan emas kepada dua bentuk atau dua jenis sahaja, iaitu emas perhiasan dan emas bukan perhiasan.

Namun begitu hendaklah difahami bahawa, emas perhiasan itu hanya terbatas kepada emas yang dijadikan perhiasan di tubuh badan wanita sahaja dan emas itu juga mestilah dipakai sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun (sepanjang haul).

Maka, emas yang dijadikan perhiasan di bangunan, dibuat gelas, pinggan, pisau, tombol pintu, patung atau apa sahaja, ia bukanlah emas perhiasan.

Begitu juga emas mentah (jongkong, batangan, serbuk, syiling), emas perhiasan wanita yang sudah rosak (putus atau tidak cukup sifat dan tidak lagi dipakai), dan emas yang dipakai di badan orang lelaki, maka semuanya bukan emas perhiasan.

Bagi emas perhiasan wanita, Islam mempunyai



Kepelbagaian zakat emas

sedikit keringanan ke atasnya demi meraikan fitrah wanita yang amat menyukai emas. Maka, Islam memberikan pelepasan yang disebut sebagai uruf (adat pemakaian setempat).

Di Selangor, uruf emas perhiasan adalah seberat 800 gram (g). Hanya emas perhiasan yang melebihi 800g sahaja wajib dizakatkan.

Bagi emas bukan perhiasan, ia tidak mempunyai uruf. Oleh itu, jika beratnya sudah mencapai 85g dan ke atas, wajiblih ia dizakatkan.

Contoh pengiraan: Makcik Kiah mempunyai emas perhiasan seberat 850g dan emas bukan perhiasan (jongkong dan emas yang sudah rosak dan tidak dipakai) seberat 90g.

Kiraannya ialah:

Emas perhiasan wajib zakat: 850g - 800g = 50g

Emas bukan perhiasan wajib zakat: 90g

Maka: 50g + 90g = 140g x harga emas semasa x 2.5 peratus

Walau bagaimanapun, uruf emas perhiasan adalah berbeza-beza mengikut negeri. Maka, sila rujuk kepada pihak berkuasa zakat negeri masing-masing untuk mengetahui uruf terkini. Manakala emas dalam

bentuk pelaburan di pelbagai institusi yang patuh syariah, maka perlulah digabungkan dengan emas bukan perhiasan di pelbagai tempat lain untuk menentukan kecukupan nisab.

Emas yang dipakai oleh orang lelaki juga tidak mendapat pelepasan uruf malah hukumannya haram dan berdosaa. Namun begitu, mereka masih wajib mengeluarkan zakat emas berkenaan sebagai emas bukan perhiasan.

Bagi umat Islam yang tinggal di Selangor, fatwa zakat 2017 menyatakan bahawa, emas bukan perhiasan di bawah paras nisab hendaklah digabungkan dengan emas yang melebihi uruf dan dicampurkan pula dengan jumlah pelaburan dan simpanan agar dapat ditentukan jumlah keseluruhan harta bagi penentuan nisabnya. Jika mencapai nisab, maka wajib dizakatkan.

Formula:
Emas perhiasan lebih uruf + emas bukan perhiasan + simpanan + pelaburan = Penentuan kecukupan nisab

Masih ada lanjutan perbincangan mengenai emas untuk sama-sama kita tekuni. Ia termasuklah kepelbagaian



DI SELANGOR, mereka yang memiliki emas perhiasan melebihi 800 gram wajib mengeluarkan zakat.

kualiti emas (999, 950, 916, 875, 835 dan 750) dan bagaimana pihak zakat memberikan layanan kepada zakat emas pelbagai kualiti ini. Juga mengenai status emas di *al-rahm* dan pajak gadai konvensional yang

masih belum sempat dikupas. Wallahua'lam.

HAMIZUL Abdul Hamid ialah Pengurus Sekretariat Dakwah dan juga Dai Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan boleh dihubungi di hamizul@zakat.selangor.com.my



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	235 kilang operasi haram
Muka Surat	:	13

Oleh Mahaizura
 Abd Malik
 mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengesan 235 kilang beroperasi tanpa kebenaran di atas lot jenis kediaman.

Yang Dipertua MPAJ, Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata, pihaknya giat melaksanakan bancian sehingga 31 Disember ini bagi mengesan kilang beroperasi tanpa kebenaran.

"Setakat hari ini, kami sudah kenal pasti 235 lot rumah dijadikan kilang tanpa kebenaran dengan anggaran beroperasi lima hingga 10 tahun.

"Daripada jumlah itu, struktur kilang yang diputihkan membabitkan 167 lot manakala 63 lot lagi belum diputihkan," katanya selepas Majlis Perakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) YDP MPAJ Sebagai Ahli Majlis di Menara MPAJ di sini, semalam.

Beliau berkata, selaras dengan dasar kerajaan, pihaknya sentiasa mempermudah permohonan lesen

235 kilang operasi haram

MPAJ kesan beroperasi tanpa kebenaran 10 tahun



MOHD Fauzi (tiga dari kanan) beramah mesra bersama kakitangan MPAJ di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Menara MPAJ, Ampang Jaya, semalam.

bagi membolehkan mereka beroperasi secara sah dan mengikut peraturan ditetapkan.

"Setakat ini, hanya dua pemilik premis daripada jumlah itu dalam proses pemutihan selepas berjaya mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen beroperasi secara sah.

"Kami nasihatkan mereka beroperasi dengan betul mengikut syarat ditetapkan kerana kami tidak mahu berlaku kejadian tidak diingini termasuk isu gangguan bekalan air baru-baru ini walaupun kita di Ampang Jaya tidak ada sungai bersambung dengan Sungai Selangor, namun kami hendak pas-

tikan kilang beroperasi secara sah.

"Seperti isu lesen peniaga, kami juga akan kurangkan kerenah birokrasi untuk segerakan dan mempermudah permohonan lesen kilang, tetapi mesti memenuhi kriteria yang kami tetapkan serta mengikut peraturan," katanya.



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gangguan air tiga wilayah pulih
Muka Surat	:	13

Gangguan air tiga wilayah pulih

Shah Alam: Gangguan bekalan air tidak berjadual di wilayah Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor sudah pulih sepenuhnya sehingga tengah hari semalam.

Sementara, empat lagi wilayah masing-masing mencapai tahap pemulihan lebih 80 peratus, Petaling (97.37 peratus), Klang/Shah Alam (80.79 peratus), Gombak (98.18 peratus) dan Kuala Lumpur (92.71 peratus).

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri berkata, secara keseluruhan, sejumlah 1,227 kawasan dari 1,292 kawasan terba-bit dengan peratusan pemulihan pada tahap 94.97 peratus.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 65 kawasan masih dalam proses pemulihan di empat lagi wilayah iaitu Klang/Shah Alam, Gombak, Petaling

dan Kuala Lumpur.

“Kampung Segambut Tengah belum pulih sepenuhnya walaupun tersenarai dalam kumpulan 1 yang sepatutnya pulih sepenuhnya pada jam 12 tengah malam, 7 September lalu.

“Manakala, 13 kawasan yang berada dalam Kumpulan 2 juga belum mendapat bekalan air yang sepatutnya pada jam 12 tengah malam semalam” katanya dalam kenyataan, semalam.

Elina berkata, Air Selangor kini mengambil tindakan untuk menstabilkan sistem agihan bagi memulihkan semua kawasan ini.

“Kawasan yang belum pulih di di Kampung Segambut Tengah, Dutamas, Jalan Dutamas Raya, Mont Kiara, Segambut, Taman Desa Segambut dan Taman Segambut Jaya (wilayah Kuala Lumpur),” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor zahir dukacita
Muka Surat	:	5

Sultan Selangor zahir dukacita

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita apabila rakyat negeri berkenaan terpaksa menanggung derita ekoran gangguan bekalan air yang disebabkan oleh pencemaran daripada sebuah kilang jentera berat.

Sultan Sharafuddin menzahirkan perkara itu menerusi sepucuk surat kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari yang disiarkan menerusi Facebook Selangor Royal Office semalam.

Menerusi surat berkenaan, Sultan Sharafuddin turut melahirkan kekhawatiran baginda terhadap tindakan rakyat yang akan memberontak dan boleh mengakibatkan ketegangan, seterusnya menjejaskan keharmonian sosial sekiranya masalah air berterusan.

Baginda turut bertitah mahu tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas diambil bagi memastikan rumah, kilang terutama-



SULTAN Sharafuddin (kanan) berkenan menerima menghadap Amirudin di Istana Kayangan, Shah Alam semalam berhubung masalah gangguan bekalan air.

nya kilang-kilang haram berhampiran tebing sungai mesti dirobohkan kerana berpotensi mencemarkan anak sungai dan sungai-sungai di negeri ini.

"Beta juga tidak berkenan ada unsur campur tangan politik dalam penguatkuasaan isu berkaitan alam sekitar dan pencemaran air sungai.

"Penubuhan sebuah jawatankuasa oleh kerajaan negeri telah lama dititahkan, beta, supaya memantau dan memastikan air sungai tidak dice-

mari dengan bahan kimia atau sampah sarap boleh menjejaskan bekalan air mentah kepada loji-loji rawatan air," titah baginda.

Sultan Sharafuddin turut bertitah mahu undang-undang yang lebih tegas dilaksanakan dengan segera kepada pelaku yang menyebabkan pencemaran sungai.

"Penalti yang lebih berat wajar dikenakan kepada mereka yang mencemarkan alam sekitar khususnya sumber air.

"Mereka yang terbukti melakukan kesalahan hendaklah dijatuhkan hukuman penjara mandatori serta dikenakan denda yang maksimum," titah baginda.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan menerima menghadap Amirudin di Istana Bukit Kayangan di sini semalam berhubung masalah bekalan air bersih di Selangor yang terus berulang sebelum mengutuskan surat tersebut kepada Menteri Besar berkenaan.



KERATAN AKHBAR
9 September 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pusat penjaja MDKS akan dinaik taraf
Muka Surat	:	18

Pusat penjaja MDKS akan dinaik taraf

KUALA SELANGOR – Seramai 20 penjaja menarik nafas lega apabila dibenarkan untuk terus berniaga buat sementara waktu di kawasan parkir hadapan deretan premis berhampiran Jalan Besar, Tanjong Karang di sini.

Kebenaran itu diberikan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) selepas mengadakan mesyuarat dengan pihak berkaitan termasuk Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar pada 27 Ogos lalu.

Yang Dipertuannya, Rahilah Rahmat berkata, menerusi mesyuarat itu, persetujuan telah dicapai bagi memberi kebenaran sementara kepada para peniaga untuk berniaga di lokasi yang dipohon.

“Kami akan menaik taraf kemudahan di situ untuk mencekrikan tapak penjaja sedia ada bagi memastikan lokasi tersebut menjadi lebih menarik dan mampu menarik pengunjung.

“Selepas dinaik taraf, ia mampu menempatkan 60 penjaja dan kesemua mereka akan dipindahkan dan dikumpul dalam satu tempat,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kosmo! sebelum ini melaporkan penjaja di kawasan itu merayu agar MDKS memberikan permit sementara selepas pihak berkuasa itu mengeluarkan notis melarang mereka meneruskan operasi perniagaan di kawasan tersebut.



SEBAHAGIAN penjaja meneruskan perniagaan seperti biasa selepas dibenarkan beroperasi buat sementara waktu oleh MDKS.



KERATAN AKHBAR 9 September 2020

Akbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kitar semula dari pintu ke pintu pupuk persekitaran bersih
Muka Surat	:	30



MOHD. SAYUTHI (dua dari kanan) dan Aranols (kanan) melancarkan program kitar semula melibatkan dua taman perumahan di Petaling Jaya baru-baru ini.



SEORANG kakitangan Nestle menerangkan antara produk keluaran mereka yang boleh dikitar semula.

Kitar semula dari pintu ke pintu pupuk persekitaran bersih

Oleh FARID AHMAD TARMJI

PELUPUSAN sisa buangan tanpa kawalan akan meninggalkan kesan negatif kepada alam sekitar secara global.

Justeru, amalan kitar semula harus diterapkan dalam jiwa setiap masyarakat agar mereka lebih peka untuk membudayakan amalan tersebut.

Dalam usaha membentuk masa depan yang bebas sisa buangan serta bertujuan membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat setempat, Majlis Bandar Raya Petaling Jaya (MBPJ) dan Nestle Malaysia melancarkan program kitar semula perintis melibatkan kaedah kutipan pintu ke pintu di dua taman perumahan di bandar raya itu.

Datuk Bandar MBPJ, Datuk Mohd. Sayuthi Bakar berkata, kerjasama itu menjadi tonggak antara badan kerajaan dan sektor swasta bagi menyokong matlamat jangka panjang dalam pembangunan bandar napan dan memupuk komuniti sifar sampah di Petaling Jaya.

"Secara purata, setiap rakyat Malaysia menghasilkan sekitar 1.17 kilogram (kg) sisan buangan sehari. Lebih 90 peratus daripada semua sisa domestik dibuang dengan kaedah kambusan tanah.

"Oleh itu, saya melihat projek ini merupakan peluang terbaik untuk mempromosikan amalan kitar semula dengan memudahkan masyarakat untuk turut serta," katanya.

Tambahnya, dia berharap kerjasama itu akan mendorong rakyat Malaysia untuk menguruskan sisa mereka dengan

lebih bertanggungjawab dan menjadikan amalan kitar semula sebahagian daripada kehidupan.

Melalui program itu, perumahan di kawasan Bandar Sri Damansara dan Ara Damansara akan terlibat dengan kaedah kutipan pintu ke pintu.

Penduduk yang terlibat hanya perlu mengasingkan sisa buangan yang boleh dikitar semula dan ia akan dikutip oleh pihak yang dipertanggungjawab untuk berbuat demikian.

Mohd Sayuthi berkata, MBPJ mempunyai aspirasi untuk mengubah Petaling Jaya untuk menjadi sebuah bandar raya pintar dan berdaya tahan

menjelang 2030.

"Kami akan memainkan peranan vital dalam menciptakan persekitaran bersih.

"Semua pihak juga harus memainkan peranan masing-masing dalam menyelamatkan alam sekitar untuk generasi masa depan," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestle (Malaysia) Berhad, Juan Aranols menjelaskan, Nestle amat berbesar hati untuk bersama menjayakan program kitar semula tersebut demi kebaikan persekitaran dan komuniti setempat.

Tegasnya, membentuk masa hadapan

bebas sampah bukanlah sesuatu yang dapat kita capai sendiri dengan mudah.

"Pada masa ini, lebih dari 45,900 tan sampah isi rumah di Malaysia masuk ke tempat pembuangan sampah setiap hari. Walaupun kadar kitar semula di Malaysia mencatatkan peningkatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun masih ada usaha harus dibuat dalam merealisasikan sasaran kerajaan untuk mencapai kadar kitar semula nasional sebanyak 40 peratus pada 2015.

"Ia memerlukan usaha bersama daripada semua orang untuk mencapai sasaran tersebut. Kami yakin dengan bekerjasama dengan MBPJ untuk program ini akan meningkatkan lagi kadar kitar semula di negara ini," katanya.

Tambahnya, melalui program pengumpulan kitar semula itu, ia akan menjadi contoh serta dapat mendidik dan memberi inspirasi kepada perubahan tingkah laku positif di kalangan rakyat Malaysia untuk amalan tersebut.

Selain itu, Nestle juga turut melancarkan program kutipan bahan kitar semula di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, Taman Putra Damai di Petaling Jaya dengan kerjasama iCycle, sebuah syarikat penyedia penyelesaian pengasingan sisa buangan dan kitar semula.

Melalui kerjasama dengan MBPJ itu dan program PPR yang dilancarkan baru-baru ini akan membawa manfaat kepada 13,000 isi rumah.

Nestle juga berharap untuk meluaskan inisiatif tersebut meliputi lebih banyak taman perumahan pada masa depan.



BEKAS makan yang dihasilkan Nestle juga boleh dikitar semula menjadi tempat untuk penanaman beberapa jenis pokok.



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Isteri mb mohon maaf
Muka Surat	:	3

Isteri MB mohon maaf

TERLEBIH dahulu Awang tabik hormat pada isteri MB Selangor yang cepat-cepat minta maaf pada rakyat Selangor. Bagaimanapun, Awang faham 'serangan' netizen terhadap *posting* yang dibuat oleh beliau.

Sewaktu jutaan rakyat menderita ketiadaan air, isteri MB tunjuk gambar lori tangki di kediaman rasminya. Memang patut MB diberikan air, oleh sebab kediamannya pun terlibat, tapi tak usahlah nak pos bagi tahu dunia lori tangki hantar air.

Rakyat Selangor berkata, kami rakyat jelata tunggu lori tangki tak tiba-tiba. Segala periuk belanga dan baldi digunakan untuk dapatkan air.

Ini pengajaran pada isteri orang besar di mana-mana pun. Rakyat tahu mereka lebih beruntung daripada orang lain. Mereka ada keistimewaan



Datuk Seri Amirudin Shari dan isteri, Datin Seri Masdiana Muhamad memohon maaf kepada rakyat Selangor susulan hantaran dalam Facebook.

dari segi layanan. Banyak isteri orang besar yang tunjuk mereka makan angin, duduk hotel mewah, *shopping* sana sini, beli kereta baharu dan macam-macam lagi. Semua dimasukkan dalam akaun media sosial mereka.

Awang harap isteri orang besar ini gunakanlah akaun media sosial mereka dengan bijaksana. Bukan tempat tunjuk riak apa lagi tunjuk lagak.



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kalau dah haram, haram juga
Muka Surat	:	3

Kalau dah haram, haram juga!

LEBIH lima juta pengguna air di Selangor terjejas akibat pencemaran yang berpunca daripada sebuah kilang. Kali ini empat beradik pemilik kilang telah direman. Macam-macamlah suara yang menuntut hukuman lebih berat pada mereka.

Apa yang Awang pelik ialah kilang itu telah beroperasi secara haram sejak tahun 2014 lagi. Menurut Pengarah Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selayang (MPS), kilang itu telah diberi notis kerana beroperasi tanpa lesen.

Sudah begitu lama kilang itu beroperasi, baru pada Mac tahun ini diberikan notis? Khabarnya notis itu pun tidak dipedulikan oleh tuan punya kilang. Awang nak tanya apa yang pihak MPS buat selama ini? Kita semua tahu kilang itu bukan sekali disyaki menjadi punca pencemaran di Sungai Gong.



Rakyat Selangor nak tahu, berapa banyak kilang seumpama itu di dalam kawasan MPS? Cerita kilang haram ini bukan baharu. Tapi selagi tak berlaku kes pencemaran teruk selagi itulah semua pihak pandang sebelah mata sahaja.

Awang cadangkan selain tindakan pada tuan punya kilang, pihak yang bertanggungjawab di MPS pun patut juga diambil tindakan. Jikalau mereka peka dan bertanggungjawab hal seperti ini tidak akan berlaku.

Menteri Besar patut panggil semua ketua majlis perbandaran di Selangor. Beri amaran keras. Jikalau masalah kilang haram berterusan, mereka akan diberikan penyapu sebagai lambang kegagalan mereka.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Azmin dilantik ahli MPT Bersatu
Muka Surat	:	8

Azmin dilantik ahli MPT Bersatu

Muhyiddin turut melantik Zuraida selepas dipersetujui dalam mesyuarat MPT parti berkenaan

Oleh **AZIE YAHAYA**



MOHAMED AZMIN



ZURAIDA

SHAH ALAM

Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin melantik bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan bekas Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin sebagai ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) parti itu.

Setiausaha Agung Bersatu, Datuk Seri Hamzah Zainudin dalam satu kenyataan semalam berkata, keputusan itu dibuat oleh Muhyiddin pada mesyuarat MPT kelmarin.

“Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof yang kalah dalam pemilihan jawatan Naib Presiden Bersatu turut dilantik sebagai ahli MPT.

“Turut dilantik menganggotai MPT ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad; Pengerusi Bersatu Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari dan Dr Muhammad Faiz

Na’man,” katanya.

Hamzah yang juga Menteri Dalam Negeri kekal menyandang jawatan Setiausaha Agung Bersatu manakala Datuk Mohamed Salleh Bajuri dilantik sebagai Bendahari dan Wan Saiful Wan Jan sebagai Ketua Penerangan.

Dalam kenyataan sama, Hamzah berkata, Muhyiddin pada mesyuarat MPT kelmarin turut melantik Ketua Bersatu negeri dan timbalannya termasuk dirinya sebagai Ketua Bersatu Perlis.

Turut dilantik sebagai Ketua Bersatu negeri ialah Senator Datuk Mohd Suhaimi Abdullah (Kedah); Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (Perak dan Pahang) serta Datuk Shabudin Yahaya (Pulau Pinang).

Abdul Rashid mengekalkan kedudukannya sebagai Ketua Bersatu Selangor; Kapten (B) Muhammad Suhaimi Yahya (Wilayah Persekutuan); Datuk Eddin Syazlee Shith (Negeri Sembilan) dan Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen

(Melaka).

Datuk Kamarudin Md Nor dilantik sebagai Ketua Bersatu Kelantan. Senator Datuk Razali Idris (Terengganu), Datuk Seri Hajiji Mohd Noor (Sabah) dan Jakiri Alkaf Abdillah Suffian (Sarawak).

Dalam pada itu, Muhyiddin menggalas tugas sebagai Ketua Bersatu Johor dan Pengerusi Biro Politik parti itu.

Faizal turut dilantik sebagai Pengerusi Biro Pengurusan; Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (Pengerusi Biro Pilihanraya dan Kajian); Menteri Kanan Pendidikan, Senator Dr Mohd Radzi Md Jidin (Pengerusi Biro Latihan dan Perkaderan); Mohd Rafiq (Pengerusi Biro Penambahan Ahli dan Cawangan) manakala Shabudin (Pengerusi Biro Agama).

Sementara itu, Mohamed Azmin pula turut dilantik sebagai Pengerusi Biro Antarabangsa manakala Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed sebagai Pengerusi Biro Ekonomi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	17 individu saman syarikat cemari Sungai Gong
Muka Surat	:	10

17 individu saman syarikat cemari Sungai Gong

SHAH ALAM - Seramai 17 individu memfailkan tuntutan saman di Mahkamah Shah Alam semalam terhadap syarikat yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran di Sungai Gong, Selangor sehingga 1.2 juta rakyat menghadapi masalah ketiadaan bekalan air. Peguam mewakili semua

plantif, Mohd Khairul Azam Abdul Aziz berkata, saman berkenaan difailkan secara e-filing di mahkamah berkenaan pada jam 1.52 petang semalam.

Menurutnya, saman itu difailkan terhadap syarikat Yip Chee Seng & Sons Sdn Bhd selaku defendan bagi menuntut

ganti rugi dan juga berdasarkan laporan media berhubung masalah itu yang melibatkan pihak-pihak.

“Defendan adalah dengan jelas, nyata dan terang merupakan pihak bertanggungjawab secara langsung terhadap semua kerosakan dan kecelakaan terbabit.

“Ini secara jelas dikenal pasti merujuk kepada siaran media bertarikh 3 September 2020 jam 7 malam apabila melalui siasatan dilakukan dan kenyataan media yang dibuat Lembaga Urus Air Selangor (LUAS),” katanya kepada pemberita di lobi Mahkamah Shah Alam di sini semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kes pencemaran sungai diperincikan kepada Peguam Negara
Muka Surat	:	10

Kes pencemaran sungai diperincikan kepada Peguam Negara

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan berhubung dengan Jabatan Peguam Negara untuk memperinci serta mengemas-kini pelaporan berkenaan insiden pencemaran sungai di Selangor termasuk kes terbaharu minggu lalu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri berharap tindakan tegas segera dilakukan bagi menyelesaikan masalah pencemaran sungai.

“Kerjasama yang rapat antara semua agensi terutama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri amat penting demi memastikan keselamatan bekalan air negeri terjamin,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Amirudin berkata, kerajaan negeri juga mengucapkan terima kasih serta mengambil maklum atas tindakan segera Jabatan Peguam Negara kelmarin.

“Pagi ini (semalam) saya sudah bertemu dengan Penasihat Undang-undang Kerajaan Selangor, Datuk Salim Soin; Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Ir Hashim Osman dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	NGO tuntutan Air Selangor bayar ganti rugi RM1,000
Muka Surat	:	10



Abu Backer (kiri) menyerahkan notis tuntutan kepada Shahniza di pejabat Air Selangor di Kuala Lumpur semalam.

NGO tuntutan Air Selangor bayar ganti rugi RM1,000

KUALA LUMPUR - Pertubuhan Pejuang Perlembagaan dan Rukun Negara Malaysia menerusi syarikat guaman Tetuan AB Sidek and Co semalam membuat tuntutan ganti rugi ke atas pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Tuntutan itu bagi mewakili sebahagian penduduk dan syarikat di Selangor dan Kuala Lumpur yang terjejas berikutan gangguan bekalan air bermula pada 6 September sehingga semalam.

Pengerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu, Datuk Abu Backer Sidek berkata, notis tuntutan diserahkan kepada wakil Air Selangor, Shahniza Anom di pejabat syarikat itu.

Menurutnya, antara tuntutan yang dibuat ialah memohon bayaran ganti rugi sebanyak RM1,000 dengan mengkreditkan amaun tersebut ke dalam akaun setiap pemilik akaun yang terkesan.

“Ramai individu tampil menyuarakan rasa tidak puas hati dan meminta supaya tuntutan ganti rugi dibuat memandangkan mereka mengalami kesusahan.

“Ada antaranya yang terpaksa mengeluarkan belanja khususnya terpaksa menginap di hotel atau keluar dari Selangor dan Kuala Lumpur untuk mendapatkan air yang bersih,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan notis tuntutan berkenaan di sini semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	SPRM siasat kes cemar Sungai Gong
Muka Surat	:	10

SPRM siasat kes cemar Sungai Gong

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memulakan siasatan dalam kes pencemaran Sungai Gong, Rawang, Selangor bagi meneliti jika wujud unsur rasuah melibatkan mana-mana pihak termasuk agensi penguat kuasa.

SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan isu berkenaan untuk tampil memberi kerjasama.

“Siasatan telah mula dijalankan untuk meneliti unsur rasuah membabitkan pihak berkuasa berkaitan isu terbabit.

“Sekiranya masyarakat ada sebarang maklumat, boleh tampil dan bagi kerjasama dengan kami,” kata kenyataan itu di sini semalam.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita isu air
Muka Surat	:	10

Sultan Selangor dukacita isu air

Titah robohkan rumah, kilang yang beroperasi secara haram dan mencemarkan sungai di Selangor

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengutus surat kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bagi menzahirkan rasa dukacita baginda terhadap impak yang terpaksa ditanggung rakyat negeri itu akibat pencemaran sungai.

Menerusi kenyataan yang dimuat naik di Facebook, Selangor Royal Office memaklumkan bahawa antara intipati surat Sultan Sharafuddin itu ialah baginda mahu tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil termasuk merobohkan rumah dan kilang terutama yang beroperasi secara haram dan berpotensi mencemarkan anak-anak sungai dan sungai di Selangor.

"Baginda tidak berkenan adanya unsur campur tangan politik dalam penguatkuasaan isu-isu berkaitan alam sekitar dan pencemaran air sungai.



Sultan Sharafuddin berkenan menerima menghadap Amirudin (kiri) di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam semalam berhubung masalah bekalan air bersih di Selangor yang terus berulang.

"Baginda telah lama menitahkan supaya sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan kerajaan Selangor untuk memantau dan memastikan air sungai tidak dicemari dengan bahan kimia atau sampah sarap sehingga boleh menjejaskan bekalan air mentah kepada loji-loji rawatan air," kata kenyataan itu di sini semalam.

Selain itu, kenyataan tersebut memaklumkan Sultan Sharafuddin mahu undang-undang lebih tegas dilaksanakan dengan segera ke atas pelaku-pelaku yang menyebabkan pencemaran sungai.

"Penalti yang lebih berat wajar dikenakan kepada mereka yang mencemarkan alam sekitar khususnya sumber air. Mereka yang terbukti melakukan kesalahan hendaklah dijatuhkan hukuman penjara mandatori serta dikenakan denda yang maksimum.

"Baginda kluatir sekiranya masalah air ini berterusan, rakyat jelata akan memberontak dan boleh mengakibatkan ketegangan dan seterusnya akan menjejaskan keharmonian sosial," kata kenyataan itu lagi.

Kes pencemaran sungai diperincikan kepada Peguam Negara

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan berhubung dengan Jabatan Peguam Negara untuk memperinci serta mengemaskini pelaporan berkenaan insiden pencemaran sungai di Selangor termasuk kes terbaharu minggu lalu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri berharap tindakan tegas segera dilakukan bagi menyelesaikan masalah pencemaran sungai.

"Kerjasama yang rapat antara semua agensi terutama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri amat penting demi memastikan keselamatan bekalan air negeri terjamin," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Amirudin berkata, kerajaan negeri juga mengucapkan terima kasih serta mengambil maklum atas tindakan segera Jabatan Peguam Negara kelmarin.

"Pagi ini (semalam) saya sudah bertemu dengan Penasihat Undang-undang Kerajaan Selangor, Datuk Salim Soin; Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Datuk Ir Hashim Osman dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Air laut tertinggi 20 tahun
Muka Surat	:	24

Air laut tertinggi dalam 20 tahun

Orang ramai diingatkan tidak melakukan aktiviti di sepanjang pantai Kuala Langat

Oleh NUR FARHANA ABDUL MANAN

SHAH ALAM



Orang ramai diingatkan tidak membuat sebarang aktiviti di kawasan sepanjang pantai di daerah Kuala Langat pada tarikh tertentu dalam bulan September, Oktober dan November ini bagi mengelakkan insiden buruk.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia berikutan pada tarikh tersebut paras air laut dijangkakan tertinggi dalam tempoh 20 tahun.

Menurutnya, aktiviti rekreasi tidak boleh dilakukan di sepanjang pantai di Kuala Langat antara 18 September hingga 20 September (Jumaat hingga Ahad); 15 Oktober hingga 20 Oktober (Khamis hingga Selasa) dan 14 November hingga 17 November (Sabtu hingga Selasa).

“Warga dan pelawat pantai di daerah Kuala Langat diingatkan agar tidak mengadakan sebarang aktiviti pada tarikh yang telah dinyatakan.

“Segala jenis aktiviti sepanjang pantai adalah tidak dibenarkan sama sekali.

“Ketinggian paras air laut pada tarikh-tarikh yang disebut adalah yang tertinggi dalam tempoh 20 tahun. Awasi mereka yang tersayang,” katanya menerusi kenyataannya dimuat naik di Facebooknya di sini semalam.

Beliau berkata, orang ramai juga diminta mematuhi arahan yang ditetapkan pihak berkuasa.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara itu katanya, boleh diajukan kepada Bilik Gerakan Bencana Alam Daerah di talian 03-3182 2565.

NOTIS PENUTUPAN
AKTIVITI REKREASI SEPANJANG PANTAI
DI DAERAH KUALA LANGAT

18 - 20 SEPTEMBER 2020 (JUMAAT - AHAD)

15 - 20 OKTOBER 2020 (KHAMIS - SELASA)

14 - 17 NOVEMBER 2020 (SABTU - SELASA)

DILARANG MEMBUAT SEBARANG AKTIVITI DI KAWASAN PANTAI PADA TARIKH-TARIKH DI ATAS. KETINGGIAN PARAS AIR LAUT PADA TAHUN INI ADALAH YANG **TERTINGGI DALAM TEMPOH 20 TAHUN**. PASTIKAN ANDA MEMATUHI ARAHAN DAN SEBARANG PERTANYAAN BOLEH MENGHUBUNGI **BILIK GERAKAN BENCANA DAERAH DI TALIAN 03-31822565**

Notis penutupan aktiviti rekreasi di sepanjang pantai di daerah Kuala Langat susulan air laut di situ diramai mencecah paras tertinggi dalam tempoh 20 tahun.



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MAIS serius tangani gerakan liberal
Muka Surat	:	24

MAIS serius tangani gerakan liberal

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memandang serius terhadap isu berkaitan akidah umat Islam termasuk gerakan liberal di negeri itu.

Pengerusinya, Datuk Mohammed Khusrin Munawi berkata, usaha itu sentiasa dilakukan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMS) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Selangor (JPSS) bagi menangani penyebaran fahaman dan ajaran yang menyeleweng daripada agama Islam.

“Fatwa diwartakan pada 31 Julai 2014 berhubung Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama menyatakan bahawa mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat serta menyeleweng daripada ajaran Islam,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan sebuah akhbar tempatan yang mendakwa MAIS ‘berpeleuk tubuh’ dalam mengekang penularan fahaman liberal yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Mohammed Khusrin berkata,



MOHAMMED KHUSRIN

MAIS dan JMS sentiasa bekerjasama memberi kefahaman dan penjelasan kepada masyarakat awam berhubung fahaman liberalisme dan implikasi penglibatan seseorang dalam ajaran fahaman tersebut.

“Program penerangan secara berterusan berkaitan fatwa tersebut juga didedahkan kepada pelajar sekolah, pegawai di jabatan-jabatan kerajaan dan orang awam,” katanya.

Beliau berkata, MAIS melalui JAIS juga sentiasa komited dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Islam di negeri itu melalui pelbagai program dakwah yang tersusun dan terancang.

Beliau menegaskan tindakan dan pemantauan berterusan melalui media sosial juga diambil bagi membendung penyebaran fahaman liberalisme berkenaan.

Justeru, beliau berkata, MAIS menasihatkan umat Islam di negeri ini sentiasa berwaspada dan tidak terpengaruh dengan kepercayaan fahaman yang telah difatwakan sesat.

“Umat Islam juga dinasihatkan agar menghubungi talian hotline **1-800-88-2424** untuk sebarang aduan ataupun maklumat,” katanya.

“Umat Islam juga dinasihatkan agar menghubungi talian hotline **1-800-88-2424** untuk sebarang aduan ataupun maklumat,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBSA ON WHEELS
Muka Surat	:	2

MBSA ON WHEELS

Shah Alam City Council (MBSA) is bringing out its mobile office, Shah Alam on Wheels (SAOW), on Sept 12, from 11am to 5pm at Aeon Mall Shah Alam in Section 13 for the public to use council facilities. Services provided include assessment tax payment, parking compound checks and payment, counter for complaints and others. For details, visit www.mbsa.gov.my



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MPAJ: Slope stabilisation works ongoing at Ukay Perdana construction site
Muka Surat	:	2

MPAJ: Slope stabilisation works ongoing at Ukay Perdana construction site

By SHALINI RAVINDRAN
 shaliniravindran@thestar.com.my


SLOPE strengthening and stabilisation works are being carried out to ensure the safety of a housing project on a steep hillslope in Taman Ukay Perdana, Ampang.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) said that they had approved the plan in 2000 for the development as a whole in Ukay Perdana.

“Applications for earthworks as well as road and drainage plans for 252 units of two-and-a-half storey terrace houses were approved by MPAJ in 2004.

“The current phase of development involves the construction of super structures and slope strengthening as foundation works using ‘micro filling’ had been completed,” MPAJ said in a statement.

The municipal council was responding to the *StarMetro*’s report on Sept 3, “Show proof project is safe”



StarMetro’s report on Sept 3.

ject is safe” highlighting residents’ concerns over the construction of superlink houses being built on a Class IV slope.

Class 1 is the least severe in terms of terrain grading whereby slope angles are less than 15 degrees.

Slopes with angles greater than

35 degrees are classified as Class IV as they pose the highest risk.

Residents of De Puncak Ukay had requested that MPAJ reveal geotechnical and safety reports for the housing project taking place in their neighbourhood.

MPAJ said in the statement that the construction site was a “dis-

tribute slope” area that required slope stabilisation works which are currently being carried out by the developer.

“The developer is using the soil nailing method to cover the surface of the slope with a layer of concrete.

“This method will serve as an additional reinforcement measure to the slope strengthening works that had been carried out previously on the site,” it explained.

MPAJ added that all phases of development were being carried out on site by the developer under the supervision of certified engineers.

An online petition against the new hillslope project was initiated two weeks ago by concerned residents.

At press time, almost 2,300 people had signed the “We Don’t Want Another Landslide In Ulu Klang” petition addressed to MPAJ and Ampang MP Zuraida Kamarudin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MPK DISCOUNTS
Muka Surat	:	2

MPK DISCOUNTS

Klang Municipal Council is offering a RM15 discount on parking compounds from Sept 15 to 30 in conjunction with Malaysia Day, with an additional RM5 discount on each compound when payment is made via JomPAY, Smart Parking MPKlang, iKiosk machines at MPK and iPay (FPX). Alternatively, payment can be made at MPK headquarters, branches and drive-through counters.

Discount does not apply for the offences of misusing reserved and disabled parking spots and obstructing parking bays.




PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Council's overhead solution to fixing street lights in Klang
Muka Surat	:	3



Nik Mohd monitoring works to replace overhead electrical cables and lamps that were not in working order at Jalan Kota in Klang. — RAJA FAISAL HISHAN / The Star

Council's overhead solution to fixing street lights in Klang

By EDWARD RAJENDRA
 edward@thestar.com.my

WORK has begun at several commercial and main thoroughfares in Klang to fix the problem of non-functioning street lights.

Overhead electrical lines are being placed 10m high on street light poles to overcome problems like cable theft faced by Klang Municipal Council (MPK).

MPK Engineering Department director Zamri Othman said vandalism of these infrastructure had caused areas in commercial and residential areas to go dark.

"Our electrical infrastructure has become the target of unscrupulous people who are out to make a quick buck by ripping out underground cables and smashing open electrical junction boxes for copper fittings. Such acts of vandalism put the lives of all road users at risk," he said.

Zamri added that because of this, MPK had decided to have the new electrical wiring run overhead instead of underground.

On Aug 29, *StarMetro*, reported that motorists and residents had had enough of faulty street lights and wanted the authorities to respond efficiently to complaints.

Contractor in-charge of rectification works, Rasidin Din Enterprise supervisor Nik Mohd Zulfikha, 31, said work to replace the overhead electrical wiring is going smoothly with the use of a skylift truck.

"Our workers have completed the wiring at the Jalan Cassia Utama and Jalan Jasmine stretch in Bandar Botanic. We are now waiting for 35 units of 250 watt lamps to be delivered so we can instal them," he said.

Nik Mohd added that workers are now putting up electrical wiring outside Masjid India Muslim

Tengku Kelana at Jalan Dato Hamzah and Jalan Kota.

Complaints of street lights not working mostly came from residents in Bandar Botanic, Bandar Bukit Tinggi, Bandar Bukit Raja, Bandar Putera, Taman Sentosa, Jalan Tengku Kelana, Jalan Istana and Taman Gembira.

Zamri said MPK has an annual budget of RM3.2mil to ensure all municipal council street lights are in working order.

Klang MCA Youth chief Datuk BK Tan said he had visited the sites in Bandar Botanic and Jalan Dato Hamzah to check on the repairs.

"We will monitor the progress of the project to ensure that the council fixes all the street lights that are not working," he said.

Tan added he was pleased to see work had begun on the first phase of the street light rectification project.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Dealing with illegal factories in Ampang Jaya
Muka Surat	:	4

Illegal factories warned

An ongoing census by Ampang Jaya Municipal Council has revealed that almost 30% of businesses, mostly set up in residential areas, are running without licence. The operators have been given until year end to obtain approval before action is taken. >4

By SHALINI RAVINDRAN
 shaliniravindran@thestar.com.my

RESIDENCES turned into factories are flourishing in Ampang Jaya and many of them are operating without valid business licences or permits.

According to Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), some 68 out of 235 mostly residential lots had been turned into factories and are operating without council approval.

Newly-appointed MPAJ president Mohd Fauzi Mohd Yatim said the council had managed to legalise 167 factories so far.

"We are carrying out a census to determine the number of illegal factories so that they can be legalised through our programme.

"Of course, they will be subject to the necessary rules and guidelines for operating such businesses," he said after his official swearing-in as the new MPAJ president.

Mohd Fauzi added that many of the factories had been operating illegally for about five to 10 years.

"We are giving them until Dec 31 to legalise their operations, after which we will take the necessary action," he said, adding that many of the factories are located in Kampung Baru Ampang.

The factories comprise mostly furniture and wood manufacturing as well as *yong tau foo* products.

On Monday, Selangor Municipal Council (MPS) had revealed that there were 308 factories operating without council approval.

A similar legalisation programme is being carried out and a briefing session with operators involved would take place this Friday.

This follows a notice issued by MPS to the heavy machinery maintenance factory at Sungai Gong Industrial Area in Rawang, which allegedly caused the recent river pollution that led to unscheduled water cuts last week.

Meanwhile, 53-year-old Mohd Fauzi is MPAJ's eighth president, taking over from Datuk Abdul Hamid Hussain, who was transferred to take up the top post at Sepang Municipal Council (MPSepang).

A Terengganu native, Mohd Fauzi was

Dealing with illegal factories in Ampang Jaya

New MPAJ president says businesses must legalise operations by year end or action will be taken



Mohd Fauzi (second from right) with heads of departments during his official swearing-in as MPAJ president. — NORAFIFI EHSAN/The Star

Hulu Selangor District Officer before he was appointed as MPSepang president in 2018.

He will be overseeing MPAJ's bid to seek city council status by next year.

"MPAJ had submitted its application to the state government last month for consideration and if successful, we will bring it to the

Local Government and Housing Ministry," he said, adding that it had fulfilled the necessary requirements to be upgraded.

"With some 800,000 residents in Ampang Jaya, there are plenty of community-related issues that I hope to address during my tenure here," Mohd Fauzi said.

He also hopes to tackle the issue of illegal roadside traders by identifying suitable locations where they can be relocated.

Also present were Orang Besar Daerah Tan Sri Wan Mahmood Pa'wan Teh, Pandan MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and Hulu Kelang assemblyman Saari Sungib.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Elderly disabled urged to sign up for voucher scheme
Muka Surat	:	4



Senior citizens registering for the scheme at a counter set up at Pasar Sentosa in Section 17, Petaling Jaya.

Elderly, disabled urged to sign up for voucher scheme

By **JAROD LIM**
 jarodlim@thestar.com.my

HAVING an extra RM100 to spend on groceries after registering for the Skim Mesra Usia Emas (SMUE) is a blessing for 64-year-old Ng Lay Peng.

“It is like receiving a bonus for my birthday when I get the RM100 shopping voucher,” she said.

“This is a very good initiative by the Selangor government.

“I did not know about it until I came across the SMUE registration counter at Pasar Sentosa in Section 17.”

Ng was one of several people who queued up to register for the scheme at the Petaling Jaya market.

Once registered, they can claim their

shopping voucher at selected supermarkets during their birthday month.

Those aged 60 and above as well as disabled individuals can register for the scheme.

Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishayakaran said registration counters would be set up in selected areas to encourage more people to sign up.

“This is the second time we are in Section 17 and we realise a lot of senior citizens have not registered for the scheme.

“Once they register, they will receive the benefit every year,” he said, adding that he would go to at least two places every month to help eligible individuals apply for SMUE.

Those who are eligible can also apply at Rajiv’s office at 7A, Jalan 52/8, PJ New Town, Petaling Jaya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Selangor Ruler wants stricter action
Muka Surat	:	4

Selangor Ruler wants stricter action

KLANG: The recent unscheduled water disruption in Selangor has irked Selangor Ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah and he wants stricter enforcement to be carried out.

The Ruler also did not want elements of political interference in enforcement efforts towards issues related to the environment and river contamination.

Sultan Sharafuddin, had in a letter addressed to Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, underlined several issues and facts pertaining to the matter.

According to an entry in the Selangor Royal Office Facebook timeline, Sultan Sharafuddin had written to Amirudin as soon as the water disruption hit the state.

"His Highness had written to the Selangor

Menteri Besar conveying his regret over the impact the people of Selangor were forced to face," said the entry.

Sultan Sharafuddin also wanted stricter enforcement to ensure houses and factories, especially illegal factories, near river banks were demolished due to their potential of contaminating streams and rivers in Selangor.

"His Highness had long directed that a special committee is set up by the Selangor state government to monitor and ensure river water is not contaminated with chemicals or rubbish that could adversely affect the supply of raw water to water treatment plants," said the Facebook entry.

Sultan Sharafuddin had also written to Amirudin that he wanted stricter laws to be

immediately imposed on perpetrators who caused river contamination.

"A heavier penalty should be duly imposed on those who contaminate the environment, especially water.

